

Persuratan Islam di Negeri China

Sebagaimana pihak Kristian telah melakukan

di Qurtubah dan di Baghdad dalam masa lemahnya kekuasaan Islam, maka demikianlah kaum umat Islam di negeri China, telah lama menderita tindasan yang hebat, (lebih-lebih lagi sesudah terdirinya pemerintahan komunis di negeri itu).

Mereka menderita tindasan yang hebat atas diri dan agama Islamnya.

Segala buku-buku yang mengandungi ajaran Islam terpaksa disembunyikan seakan-akan benda larangan. Tidak pelik kalau masa ini sukar mendapat buku-buku Islam dalam kalangan kaum Muslimin China.

Meskipun seruan Islam telah sampai ke negeri

China dalam masa hayat Rasulullah (S.A.W), tetapi penyebaran Islam dengan buku-buku tidak seberapa kelihatan kesan-kesannya. Lebih-lebih lagi dengan perbuatan “Tzu” gabenor wilayah Guang Xi, yang pada tahun 1783 telah membina sakan sejumlah besar buku-buku umat Islam China. Nama Gabenor yang zalim itu, hingga hari ini tidak dapat dilupakan oleh mereka.

Pada tahun 1686, dengan perintah Maharaja Kuang Hsu, kerajaan China telah membanci buku-buku Islam yang ada di negeri China. Dari banci itu dapatlah diketahui, bahawa

1. “*al-Sakin*” - Ertinya untuk mewujudkan

ketenteraman hidup bagi kedua suami isteri.

2. “*al-Mawaddah*” - Perasaan kasih yang menjadi tali perhubungan yang menanamkan rasa cinta di antara suami isteri untuk kebahagiaan dan kesenangan hidup bagi kedua pihak.

3. “*al-Rahmah*” - Sifat penyayang tumbuh sebagai buah daripada kedua-dua sifat yang terdahulu.

Sifat ini ialah keinsafan yang menyebabkan diri turut merasa akan kesenangan dan merasa pula kesusahan dalam hidup bersama-sama.

Bagi menjaga dan menghormati kebesaran dan

kesucian perkahwinan itu sehingga dapat kelak

mewujudkan apa yang sebenarnya menjadi tujuan faedah dalam erti kata nikmat bagi kehidupan manusia,

maka mustahaklah diikat dengan tanggungjawab yang disebutkan oleh Allah Ta‘āla dengan “*akad nikah*”, iaitu perjanjian yang mesti ditunaikan dalam beberapa hal yang ditetapkan oleh syariat Islam mengenai hubungan kedua suami isteri.

Dalam ayat lain perjanjian itu disebut

oleh Allah Ta‘āla dengan kalimah: “*mīthāqan ghalīzā*” (perjanjian yang teguh). Sama teguhnya dengan perjanjian khas yang diikat oleh Tuhan dengan Nabi-nabi dan sama pula teguhnya dengan perjanjian am yang diikat oleh Allah ‘azza wa jalla dengan sekalian makhluknya.

sebahagian besar daripada buku-buku itu tertulis dalam

bahasa Arab dan banyak pula yang telah diterjemahkan ke dalam

bahasa China sendiri.

Dalam Kutubkhanah kerajaan Peking, didapati sejumlah besar dari buku-buku yang tersebut.

Di antara pengarang-pengarang buku-buku Islam yang hingga hari ini masyur namanya di negeri China ialah Lui Tschih yang hidup pada akhir kurun yang delapan belas.

Di antara buku-buku yang berharga yang terkarang-karang dalam bahasa China ialah:

1. "Pedoman Islam", 10 jilid, dikarang

oleh Ma Yuen Peng dari Yunani, pada tahun 1646 M.

2. "Kehidupan Nabi Muhammad (S)", 10 jilid,

oleh Lui Tschih dan tersiar dalam tahun 1758.

3. "Undang-undang Alam Menurut Islam" 5 jilid,

oleh Lui Tschih.

4. "Ilmu Pengetahuan dan Pelajaran Islam"

6 jilid, oleh Lui Tschih.

5. "Keterangan dari Lima Buku", oleh Lui

Tschih.

6. "Kenyataan dari Islam", oleh Lui Tschih.

7. "Pokok Islam", oleh Lui Tschih.

8. "Penerangan bagi yang Buta dan Celik",

oleh tulisan Tsen Fi Hao dari Peking, pada tahun 1700.

9. "Pemimpin bagi Menyiarkan Agama yang Benar",

diciarkan di Canton pada tahun 1668.

10. "Tujuan yang Utama bagi Muslimin Cina",

oleh Ma Fou Tsai.

11. "Kenyataan yang Mustahak bagi Seorang Lelaki" (tentang Nabi Isa), oleh Ma Kee Kong.

12. "Asal Usul Umat Islam China"

13. "Mesyuarat dalam Islam".

14. "Kitab Sembahyang".

15. "Ringkasan dari Empat Peraturan

Hukum".

16. "Penyelidikan tentang Perkara yang Hak dan

yang Batil".



Tidak ada kaya, tidak ada miskin- semuanya

sama menjadi hamba Allah yang berharapkan keredaan-Nya.

Lihatlah umat Islam sedang berada di Jabal Rahmah dengan

pakaian ihramnya.